

Kempen satu rumah satu kebun

Bertujuan mewujudkan persekitaran hijau, hasil tanaman mampu jimat perbelanjaan isi rumah

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Mutiara Perdana Sungai Karang Darat dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan kempen kesedaran alam sekitar dengan menganjurkan aktiviti satu rumah satu kebun yang pertama di negeri ini.

Setiausaha KRT Taman Mutiara Perdana, Zulhairi Md Ghani berkata, kempen itu dilancarkan April lalu kini mendapat penyertaan 55 rumah di kawasan itu yang menjayakan aktiviti menanam pelbagai jenis sayuran dan herba untuk kegunaan sendiri selain diberikan kepada jiran.

Menurutnya, sebagai tanda serius terhadap kempen

itu, pihaknya mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dengan UMP yang bertanggungjawab memindahkan teknologi hijau kepada penduduk yang terabit dengan projek itu.

"Mereka mengadakan program gotong-royong menanam dan menghias kawasan taman perumahan dan membina papan tanda membatikn pelajar dan masyarakat setempat.

"Saya lihat kerjasama ini mendapat maklum balas yang positif dan mencetuskan kejayaan apabila satu rumah mempunyai satu kebun.

"Dalam masa sama, mewujudkan persekitaran hijau yang dapat memberikan suasana menarik dan nyaman di kawasan perumahan," katanya ketika ditemui,

INFO

● Kempen dapat kerjasama dari UMP dan sokongan MPK

kelmarin.

Zulhairi berkata, minat penduduk setempat menjayakan projek satu rumah satu kebun turut menjadi pencetus kejayaan aktiviti sihat yang turut mendapat sokongan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

"Saya yakin selepas ini lebih banyak rumah akan terabit projek satu rumah satu kebun menggunakan bahan terbuang termasuk teknik tanaman fertigasi dan hidroponik," katanya.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Kejuruteraan Alam



Abdul Syukur (dua, kanan, duduk) bersama penduduk Taman Mutiara Perdana yang menjayakan projek satu rumah satu kebun.

Sekitar UMP, Abdul Syukur Abd Razak berkata, pihaknya akan memindahkan teknologi hijau secara berperingkat kepada penduduk Taman Mutiara Perdana yang begitu berminat dalam bidang pertanian.

Katanya, sokongan diberikan itu diharap melancarkan lagi program berkenaan.

"Menanam sayur menggunakan teknik fertigasi dan hidroponik memudahkan petani selain tidak memerlukan kawasan luas, sesuai dilaku-

kan walaupun di perumahan kawasan tanahnya terhad.

"Saya akan jadikan projek satu rumah satu kebun di Taman Mutiara Perdana sebagai perintis kepada kawasan perumahan lain di negeri ini," katanya.